

Tingkat kerjasama ekonomi

BH - 3/7/2007.

Seri Paduka mahu pelabur Malaysia, Brunei terokai potensi bidang baru



PERERAT HUBUNGAN: Tuanku Mizan (dua kiri) dan Tuanku Nur Zahirah (dua kanan) bersama Sultan Brunei, Sultan Hassanah Bolkiah (tengah) dan kedua-dua isteri, Pengiran Raja Isteri Saleha (kiri) serta Pengiran Isteri Azrinaz Mazhar Hakim (kanan) pada majlis Santapan Diraja di Istana Nurul Iman, malam tadi.

BANDAR SERI BEGAWAN: Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin bertitah masih ada ruang kerjasama dalam pelbagai bidang boleh diterokai antara Malaysia dan Brunei yang sememangnya mempunyai hubungan dan kepentingan ekonomi bersama.

Baginda bertitah, kerjasama itu termasuk dalam sektor ekonomi ia boleh dikembangkan lagi.

“Pada 2006, jumlah dagangan dua hala Malaysia-Brunei mencecah RM1.54 bilion, meningkat 11 peratus berbanding tahun sebelum itu,” titah baginda dalam Majlis Santapan Diraja, di Istana Nurul Iman, di sini, malam tadi.

Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah adalah dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke sini, iaitu lawatan pertama sejak Tuanku Mizan ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-13 pada 26 April lalu.

Sambil mengalu-alukan pelaburan Brunei ke Malaysia, baginda bertitah, Kerajaan Malaysia turut menggalakkan syarikat dan pelabur tempatan menanam modal di Brunei,

khususnya membantu negara itu untuk mengembang dan mempelbagai lagi sektor ekonominya.

Selain ekonomi, titah baginda, Malaysia dan Brunei juga boleh bekerjasama rapat dalam menerokai bidang berpotensi baru terutama dalam industri pertahanan, pasaran makanan halal, perbankan Islam dan sektor pelaburan lain.

Pada peringkat antarabangsa pula, baginda bertitah kedua-dua negara berkongsi pendirian dalam banyak perkara berkaitan isu global, terutama penyertaan dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Asean, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Komanwel dan Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

“Beta berharap semangat dan aspirasi kerjasama ini dapat diterjemahkan dalam mendapatkan hak kebebasan, keadilan dan kedaulatan negara. Ini boleh dibuat dengan mengambil bahagian yang aktif dalam isu membabitkan keamanan global dan pembangunan yang seimbang,” titah baginda.